

Pemohon: Cert Holder Name  
Bakal Peserta: Participant Name

Tarikh: DD/MM/YY  
Tarikh Lahir: DD/MM/YY  
Umur: XX

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK – ProtectSecure-i Murni

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai plan ProtectSecure-i Murni. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam Ilustrasi Manfaat dan Sijil Takaful setelah permohonan anda diterima.

AmMetLife Takaful Berhad ialah pengendali takaful keluarga berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

### 1. Apakah ProtectSecure-i Murni?

ProtectSecure-i Murni adalah plan takaful keluarga individu biasa dengan sumbangan berkala. Ia menyediakan manfaat kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) yang disebabkan oleh semua sebab. Manfaat tambahan sebanyak 100% daripada jumlah perlindungan akan dibayar sekiranya peserta meninggal dunia atau mengalami HUMK semasa mengerjakan Haji atau Umrah sepanjang tempoh perlindungan. Plan ini juga menyediakan pembayaran elaun khas pada akhir tahun sijil ketiga (ke-3) serta menyediakan manfaat tambahan untuk khairat kematian, Badal Haji dan Waqaf.

### 2. Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Wakalah** – Plan ini mengguna pakai konsep wakalah (perwakilan), di mana semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful) untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan Dana Pelaburan Peserta (DPP) dan Dana Risiko Peserta-peserta (DRP). AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk menguruskan dan melaburkan dana-dana.
- **Tabarru'** – Plan ini mengguna pakai konsep tabarru', di mana semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian daripada jumlah DPP yang telah ditentukan ke dalam DERP untuk tujuan bantuan bersama dan pertolongan kepada semua pemegang sijil ketika ditimpa musibah.
- **Qardh** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DERP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DERP pada masa hadapan.
- **Haji** – Menziarahi Baitullah Al Haram (Kaabah) di Mekah pada bulan-bulan Haji untuk menunaikan ibadah tertentu mengikut terma dan syarat.
- **Umrah** – Menziarahi Baitullah Al Haram (Kaabah) di Mekah pada bila-bila masa untuk menunaikan ibadah tertentu mengikut terma dan syarat.
- **Badal Haji** – Menunaikan Haji di Mekah bagi pihak yang tidak dapat menunaikan Haji disebabkan sekatan tertentu seperti penyakit, kematian, usia tua (uzur) sebelum memenuhi kewajipan Haji.
- **Waqaf** – Suatu pemberian secara sukarela, yang kekal dan tidak dapat ditarik balik daripada harta seseorang atau sebahagian daripadanya untuk tujuan agama, pendidikan atau kebajikan.

### 3. Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang disediakan?

**Jumlah Perlindungan Asas untuk plan ini adalah: RM XXX**

Manfaat-manfaat plan ini adalah:

| Manfaat-manfaat                                               | Jumlah akan dibayar                                                                                                              |
|---------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Manfaat Kematian                                              | RM<Jumlah Perlindungan Asas> + RM 5,000 Manfaat Khairat Kematian + RM 3,000 Manfaat Badal Haji + RMXX Manfaat Waqaf + nilai DPP. |
| Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)              | RM<Jumlah Perlindungan Asas> + RM 3,000 Manfaat Badal Haji + RMXX Manfaat Waqaf + nilai DPP.                                     |
| Manfaat Indemniti Berganda semasa mengerjakan Haji atau Umrah | Tambahan RM<Jumlah Perlindungan Asas>.                                                                                           |
| Elaun Khas                                                    | RMXXX dibayar daripada DPP pada akhir tahun sijil ke-3.                                                                          |
| Manfaat Matang                                                | Jumlah baki dalam DPP.                                                                                                           |

**Tempoh Sijil: XX tahun**

#### **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)**

HUMK bermaksud peserta mengalami salah satu kecacatan yang berikut:

- Hilang penglihatan di kedua-dua belah mata secara menyeluruh dan kekal; atau
- Hilang secara fizikal (atau hilang penggunaan secara menyeluruh dan kekal) dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki; atau
- Hilang penglihatan pada sebelah mata dan hilang secara fizikal (atau hilang penggunaan secara menyeluruh dan kekal) satu anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki.

Sekiranya Peserta yang bekerja atau terlibat dengan mana-mana perniagaan di mana pendapatan, keuntungan, komisen atau pampasan dijana semasa permulaan HUMK maka HUMK adalah termasuk sebarang situasi di mana peserta telah disahkan hilang upaya sehingga peserta tidak dapat melakukan apa-apa pekerjaan.

Peserta juga dianggap mengalami HUMK jika Peserta telah disahkan hilang upaya sehingga Peserta tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya 3 daripada 6 Aktiviti Kehidupan Harian (AKH) yang disenaraikan di bawah:

|                         |                                                                                                                                                                                              |
|-------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Mandi/Membersihkan Diri | Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain. |
| Perihal Mengawal        | Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.                                                                                    |
| Pemakaian               | Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.                                                                                                     |
| Makan                   | Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.                                                                                                            |
| Pergerakan              | Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.                                                                                                |
| Pemindahan              | Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.                                                                                                                               |

*Nota: Sila rujuk Sijil Takaful untuk definisi penuh HUMK.*

#### **4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?**

Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar akan berbeza bergantung kepada kelas risiko berdasarkan keperluan pengunderaitan AmMetLife Takaful.

- Sumbangan bulanan yang anda bayar: RMXX sebulan.
- Tempoh sumbangan: XX tahun.
- Cara pembayaran: kad kredit atau auto debit.

#### **5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

- Fi Wakalah** – Fi wakalah sebagai peratusan sumbangan akan dikenakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan komisen. Sila rujuk kepada jumlah fi di dalam Ilustrasi Manfaat untuk amaun fi wakalah.
- Tabarru'** – Amaun tabarru' akan ditolak secara bulanan dari DPP anda dan akan diperuntukkan ke dalam DRP. Amaun tabarru' ini akan meningkat berdasarkan umur anda. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam Ilustrasi Manfaat.
- Komisen** – Amaun komisen adalah sebahagian daripada fi wakalah. Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk amaun komisen.
- Fi Serahan** – Fi serahan yang akan dicaj semasa serahan sijil adalah RM100 atau 10% daripada nilai DPP, yang mana lebih rendah.

## 6. Apakah terma dan syarat yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur/tarikh lahir anda dengan betul. Jika tidak Sijil Takaful mungkin terbatal.
- **Tempoh Rujukan Percuma** – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan memberi notis secara bertulis kepada AmMetLife Takaful dalam masa lima belas (15) hari daripada tarikh Sijil Takaful diterima oleh anda. Pada masa pembatalan, AmMetLife Takaful akan memulangkan amaun sumbangan yang telah dibayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh AmMetLife Takaful, jika ada untuk mengeluarkan Sijil.
- **Had ke atas Manfaat HUMK** – Manfaat HUMK akan tamat dengan serta merta pada tarikh ulang tahun Sijil Takaful selepas hari lahir ke enam puluh lima (65) peserta. Jumlah keseluruhan manfaat HUMK setelah ditolak DPP yang akan dibayar kepada seseorang Peserta di bawah Sijil Takaful ini dan semua sijil individu dan berkelompok dengan AmMetLife Takaful adalah terhad kepada RM2,000,000.00.
- **Had ke atas Manfaat Indemniti Berganda**  
Jumlah perlindungan tambahan akan dibayar, dengan syarat:
  - a) Sijil telah berkuatkuasa selama satu (1) tahun tempoh menunggu dari tarikh kuatkuasa. Walau bagaimanapun, tempoh menunggu tidak terpakai jika disebabkan oleh kemalangan.
  - b) Perlindungan untuk Haji atau Umrah masing-masing adalah sehingga lima puluh (50) dan lima belas (15) hari dari tarikh bertolak ke Malaysia, atau tempoh perjalanan sebenar, yang mana lebih singkat.
  - c) Tiada perlindungan disediakan sekiranya peserta melakukan ziarah atau melancong di luar Arab Saudi semasa tempoh Haji atau Umrah.
  - d) Manfaat ini hanya boleh digunakan oleh peserta Muslim sahaja.
- **Had ke atas Manfaat Elaun Khas**  
Bayaran manfaat elaun khas akan dibayar berdasarkan keadaan-keadaan berikut:
  - a) Sijil masih berkuatkuasa;
  - b) Sumbangan dibayar sepenuhnya sehingga akhir tahun sijil ke-3; dan
  - c) Baki di dalam DPP selepas pembayaran manfaat elaun khas mestilah sekurang-kurangnya RM100.
 Manfaat ini adalah tidak dijamin dan tertakluk kepada jumlah yang mencukupi dalam DPP. Jika DPP tidak mencukupi, tiada manfaat akan dibayar dan jumlah DPP anda tidak akan terjejas.
- **Sijil Luput**  
Sijil akan luput apabila nilai DPP tidak mencukupi untuk ditolak amaun tabarru' dan lain-lain caj.

## 7. Apakah pengecualian-pengecualian yang utama?

| Manfaat                           | Pengecualian                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|-----------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Manfaat Kematian</b>           | AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat kematian sekiranya peserta meninggal dunia disebabkan oleh perkara-perkara berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) bunuh diri (sama ada semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kuatkuasa; atau</li> <li>b) semasa peserta di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau</li> <li>c) jika kematian disahkan oleh sebab keadaan sedia ada dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama sijil.</li> </ol> Jika perkara tersebut berlaku, kami hanya akan membayar nilai DPP (jika ada). |
| <b>Manfaat HUMK</b>               | AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat HUMK untuk mana-mana HUMK yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian oleh perkara-perkara berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau</li> <li>b) semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau salah guna dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau</li> <li>c) hilang upaya yang bermula atau dihadapi sebelum tarikh perlindungan sijil; atau</li> <li>d) keadaan sedia ada.</li> </ol>                  |
| <b>Manfaat Indemniti Berganda</b> | AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat indemniti berganda, semasa mengerjakan Haji atau Umrah sekiranya Peserta meninggal dunia atau mengalami HUMK disebabkan oleh perkara-perkara berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) sebelum Peserta memasuki sempadan antarabangsa semasa perjalanan ke Arab</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |

|                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                     | <p>Saudi atau selepas Peserta memasuki sempadan antarabangsa destinasi setelah bertolak dari Arab Saudi. Sekiranya mana-mana penerbangan transit diatur, jumlah pengumpulan jam transit tidak boleh melebihi daripada tempoh dua puluh empat (24) jam; atau</p> <p>b) semasa Peserta melakukan ziarah atau melancong di luar Arab Saudi pada tempoh Haji atau Umrah; atau</p> <p>c) ia bukan dalam tempoh perlindungan empat puluh lima (45) hari untuk Haji dan lima belas (15) hari untuk Umrah, atau tempoh perjalanan yang sebenar, yang mana lebih singkat.</p> |
| <b>Manfaat Badal Haji dan Waqaf</b> | Manfaat Badal Haji dan Waqaf adalah tertakluk kepada pengecualian manfaat kematian dan HUMK.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>Manfaat Khairat Kematian</b>     | Tiada pengecualian terpakai bagi manfaat ini.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |

*Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.*

#### 8. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil Takaful anda dengan memberikan notis secara bertulis kepada kami. Walau bagaimanapun, penyertaan di dalam pelan takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar sebarang sumbangan, kami akan menolak fi perkhidmatan bulanan dan tabarru' daripada DPP anda. Jika nilai DPP anda tidak mencukupi untuk membayar seperti yang dinyatakan di atas, sijil anda mungkin luput. Amaun tunai yang kami akan bayar apabila anda menyerahkan sijil sebelum tempoh matang mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

#### 9. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi saya?

Anda perlu memberitahu AmMetLife Takaful secara bertulis jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda untuk memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### 10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku nota kecil insurance info "Takaful Keluarga", ianya boleh didapati di pejabat kami atau anda boleh mendapatkan salinannya daripada wakil AmMetLife Takaful atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my). Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di alamat di bawah.

##### **AmMetLife Takaful Berhad (201101002936)**

Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,  
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,  
50470, Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 22 9777 Fax: (603) 2272 3229  
Emel: [customercare@ammetlifetakaful.com](mailto:customercare@ammetlifetakaful.com)  
Laman Sesawang: [ammetlifetakaful.com](http://ammetlifetakaful.com)

Jika anda perlu membuat tuntutan, anda mesti menghantar pemberitahuan bertulis kepada AmMetLife Takaful. Untuk tuntutan perubatan dan kemalangan, ianya perlu dihantar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian manakala untuk tuntutan lain, ia adalah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kejadian. Apabila kami telah menerima pemberitahuan tersebut, kami akan memaklumkan kepada anda mengenai dokumen-dokumen yang perlu dilengkapkan dan hantarkan kepada kami untuk memproses tuntutan anda.

#### 11. Perlindungan Takaful Keluarga lain yang serupa.

Sila hubungi AmMetLife Takaful untuk pelan-pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh AmMetLife Takaful.

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HENDAKLAH MEMILIH JENIS SIJIL YANG BERSESUAIAN DENGAN ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

1. Sila ambil perhatian bahawa dokumen ini hanya untuk rujukan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada kontrak takaful dan/atau nasihat profesional. Terma dan syarat penuh pelan ini dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
2. Dokumen ini hendaklah dibaca bersama Ilustrasi Manfaat yang disediakan oleh wakil AmMetLife Takaful.
3. Anda mestilah berpuas hati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
4. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).